

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commymy@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmymy

SJKC CONNAUGHT 2, SELANGOR

PKBS BULAN MAC TAHUN 2017

PEMAHAMAN BAHASA MELAYU TAHUN 4

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21 Lengkapkan petikan di bawah dengan jawapan yang betul.

dikongsi	menerima	dilahirkan	ceria	girang
----------	----------	------------	-------	--------

Daripada: azman@gmail.com	Kepada: daren@gmail.com
Perkara: Adik Baharu	
Saudara Daren, Saya ada berita gembira untuk (1) _____ bersama. Pada hari Isnin, pukul 7.30 pagi, kami telah (2) _____ seorang ahli baharu dalam keluarga. Adik bongsu saya seberat tiga kilogram telah selamat dilahirkan. Adik saya telah dilahirkan di Hospital Ampang Puteri. Ibu menamakan adik Puteri Emilia. Kami sekeluarga berasa (3) _____ menerima kehadiran adik Hidup kami bartambah (4) _____ dengan kehadiran ahli baharu dalam keluarga. Sampai di sini dahulu. Semoga berjumpa lagi.	

[4 markah]

Soalan 22

- a. Tulis ayat majmuk berdasarkan ayat tunggal yang diberikan.


Ayat tunggal: (i) Mereka duduk di barisan hadapan.

(ii) Mereka dating awal.

Ayat Majmuk:

_____ [2 markah]

- b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



Jawapan: _____

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commym@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmy

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada minggu lepas, Encik Lee telah mengadakan majlis makan malam dirumahnya. Mei Ling dan adiknya menghias rumah dengan belon yang berwarna-warni. Kakak pula mengikut ibu ke pasar raya untuk membeli bahan-bahan keperluan memasak.

Hari yang dinantikan telah tiba. Mereka bangun awal pagi untuk membantu ibu mereka. Ibu tidak menang tangan menyediakan kuih-muih yang enak. Tepat pukul lima petang, saudara-mara pun tiba.

Mereka makan sambal berbual-bual tentang diri masing-masing. Sekali-sekala majlis seumpama ini patut diadakan. Mereka bukan sahaja dapat berkumpul, malahan mengeratkan kekeluargaan. Menjelang malam, saudara-mara beransur pulang. Mereka merancang untuk mengadakan majlis makan malam pada Tahun Baharu Cina akan datang.

1. Apakah majlis yang diadakan di rumah Encik Lee?

Majlis yang diadakan di rumah Encik Lee _____ [1 markah]

2. Berapakan bilangan anak Encik Lee?

_____ [2 markah]

3. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan.

Mei Ling dan adiknya menghias rumah dengan kertas yang berwarna-warni.

Betul

Kakak mengikut ibu ke pasar raya untuk membeli pakaian baharu.

Mereka merancang untuk mengadakan majlis makan malam pada Tahun Baharu Cina.

Salah

Ibu tidak menang tangan menyediakan kuih-muih yang enak.

4. Pada pendapat kamu, adakah majlis tersebut perlu diadakan lagi? Mengapa?

_____ [3 markah]

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commym@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmy

Soalan 24 Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari sudah larut malam tetapi Su Lin masih belum tidur. Su Lin sedang mengulang kaji pelajaran di biliknya. Peperiksaan akhir tahun semakin hamper.

Tiba-tiba, Su Lin terdengar bunyi pelik dari rumah jirannya. Bunyi itu berterusan selama beberapa minit.

Su Lin mengintai dari celah tingkap. Dia ternampak suatu baying-bayang cuba memasuki rumah jirannya. Setahu Su Lin, ENCIK Ali tiada di rumah kerana pulang ke kampung.

“Itu mesti pencuri,” bisik hati Su Lin.

Su Lin segera memberitahu ayahnya. Tanpa membuang masa, Encik Lee menelefon pihak polis.

Beberapa minit kemudian, polis pun tiba. Su Lin bersyukur kerana pencuri itu berjaya ditangkap.

Pihak polis telah memuji Su Lin. Pihak polis juga mengatakan bahawa kes jenayah dapat dikurangkan dengan adanya rakyat seperti Su Lin.

- a. Bilakah peristiwa di atas berlaku?

[1 markah]

- b. Apakah bunyi pelik yang didengar oleh Su Lin?

[2 markah]

- c. Mengapakah Su Lin mengulang kaji pelajaran hingga larut malam?

[2 markah]

- d. Mengapakah polis memuji Su Lin?

[2 markah]

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commym@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmym

Soalan 25 Baca pantun di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bunga raya buat hiasa, Bunga teratai di tepi paya; Ibu dan bapa ada berpesan, Anak yang rajin akan berjaya.	Pedi sekali disengat tebuan, Tersilap sentuh sakit sekali; Jika anda orang budiman, Sesama kita jangan berkelahi.
Mari memancing si udang galah, Udang diletak di dalam peti; Kalau sudah berbuat salah, Mohonlah maaf seikhlas hati,	Cuaca hujan gelap memekat, Berkepul awan merintang masa; Adat hidup sesama masyarakat, Dengan kawan bertimbang rasa.

- a. Apakah maksud rangkap pertama pantun di atas?

[2 markah]

- b. Apakah yang harus kita lakukan jika kita membuat kesalahan?

[2 markah]

- c. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun di atas.

Sikap bertimbang rasa penting bagi melahirkan masyarakat yang aman.	
Ibu bapa memesan anaknya berkelahi dengan kawan.	
Orang yang sentiasa berbudi dan rajin berusaha akan berjaya.	

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commymy@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页：fb.com/sjkcmymy

Jawapan

Soalan 21

1. Dikongsi
2. Menerima
3. Girang
4. Ceria

Soalan 22-contoh

- a. Mereka duduk di barisan hadapan kerana datang awal.
- b. Baiklah, cikgu. Saya akan membawa buku latihan itu dan meletakkan di atas meja cikgu.

Soalan 23

1. Ialah majlis makan malam.
2. Encik Lee mempunyai tiga orang anak.
3. a. Salah
b. Salah
c. Betul
d. Betul

Soalan 24

- a. Peristiwa di atas berlaku pada larut malam.
- b. Bunyi pelik yang didengar oleh Su Lin ialah bunyi pencuri cuba memasukan rumah jiranya.
- c. Su Lin mengulang kaji pelajaran hingga larut malam kerana peperiksaan akhir tahun semakin hamper.

Soalan 25

- c. i. ✓
- ii. X
- iii. ✓